

## TINGKATAN 5 PROGRAM SARJANA SMJK SEG HWA 2025

TAJUK	MS
<b>UNIT 1 : NORMA MASYARAKAT GLOBAL MEMBENTUK KEHARMONIAN SEJAGAT</b> ISU 1 - Kepentingan Pembelian Tanpa Tunai ISU 2 - Kesan Pembelian Tanpa Tunai	2
<b>UNIT 2 : UKIR NAMA DI MATA DUNIA, JATI DIRI BERPISAH TIADA</b> ISU 1 - Cara Memupuk Sikap Glokal Dalam Diri Seseorang Individu ISU 2 - Kesan Sekiranya Sikap Glokal Diabaikan	2
<b>UNIT 3 : KEROHANIAN MEMBENTUK INDIVIDU BERMORAL</b> ISU 1 - Implikasi Pengabaian Nilai Kerohanian	3
<b>UNIT 4 : PENGGUNAAN SUMBER DAN PENYEBARAN MAKLUMAT DEMI KESEJAHTERAAN SEJAGAT</b> ISU 1 - Cara Membendung Macau Scam	3
<b>UNIT 5 : INTEGRITI PEMACU KECEMERLANGAN ORGANISASI</b> ISU 1 - Kepentingan Amalan Integriti Dalam Organisasi ISU 2 - Implikasi Sekiranya Pekerja Mengabaikan Integriti Dalam Sesebuah Organisasi	4
<b>UNIT 6 : PEMBANGUNAN NEGARA BERTUNJANGKAN INTEGRITI</b> ISU 1 - Implikasi Memberi Maklumat Palsu Dalam Menuntut Pelepasan Cukai ISU 2 - Kepentingan Pembayaran Cukai	5
<b>UNIT 7 : BERPERIKEMANUSIAAN PEMANGKIN KESEJAHTERAAN GLOBAL</b> ISU 1 - Kebaikan Berperikemanusiaan Dalam Masyarakat Global. ISU 2 - Kesan Pengabaian Sikap Berperikemanusiaan Terhadap Manusia Dan Alam Sekitar	5
<b>UNIT 8 : PENGLIBATAN DIRI PENERAJU KOMUNITI</b> ISU 1 - Kebaikan menderma darah kepada masyarakat	6
<b>UNIT 9 : KERJASAMA MASYARAKAT GLOBAL</b> ISU 1 - cabaran bekerjasama dalam masyarakat global	6
<b>UNIT 10 : PENGURUSAN KEWANGAN SECARA BERETIKA MENJAMIN KEHARMONIAN HIDUP</b> ISU 1 - Kepentingan Pengurusan Kewangan Anda Dalam Kehidupan Sehari-hari.	7
<b>UNIT 11 : MALAYSIA UNGGUL DI MATA DUNIA</b> ISU 1 - Cara Anda Dapat Mengharumkan Nama Negara Di Persada Dunia ISU 2 - Cabaran Yang Dihadapi Oleh Golongan OKU Untuk Mengharumkan Nama Negara Di Peringkat Antarabangsa	8
<b>UNIT 12 : MALAYSIA DALAM HUBUNGAN ANTARABANGSA</b> ISU 1 - Cabaran Mengekalkan Hubungan Dengan Negara Luar	8

## TING 5 : UNIT 1 : NORMA MASYARAKAT GLOBAL MEMBENTUK KEHARMONIAN SEJAGAT

### ISU : PEMBELIAN TANPA TUNAI

Soalan : Bincangkan kebaikan pembelian tanpa tunai dalam kehidupan seharian kepada masyarakat global. 讨论无现金交易对国际社会的好处。

Kebaikan pembelian tanpa tunai dalam kehidupan seharian kepada masyarakat global ialah **Masyarakat global dapat melakukan transaksi secara pantas dan mudah**. Masyarakat global tidak perlu membawa wang tunai yang banyak untuk melakukan pembayaran. Ianya boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Sebagai contoh, dengan penggunaan kad BigPay, masyarakat tidak lagi perlu bimbang untuk membawa wang tunai yang banyak apabila keluar negara. Ini akan memberi kesenangan kepada pembeli dan peniaga semasa menjalankan urusan.

Masyarakat global dapat **mengurus kewangan dan mengawal perbelanjaan dengan teratur**. Sejarah transaksi bagi setiap pembelian akan disimpan dan direkod dalam aplikasi. Contohnya aplikasi MAE yang disediakan oleh Maybank yang membolehkan masyarakat menghadkan perbelanjaan mereka. Masyarakat global boleh memantau perbelanjaan mereka dengan berhemah Perbelanjaan yang berlebihan dapat dielakkan.

Soalan : Ramalkan kesan sekiranya masyarakat global menyalahgunakan amalan tersebut. 预测滥用无现金交易的后果

Kesannya ialah masyarakat global **cenderung untuk bersikap boros**. Kemudahan berbelanja secara atas talian menyebabkan mereka menjadi kurang sedar bahawa mereka telah berbelanja secara berlebihan. Ini terjadi apabila ada promosi harga murah yang akhirnya menyebabkan mereka leka dan tidak dapat menilai antara keperluan dan kehendak. Sebagai contoh, potongan separuh harga, pulangan cashback serta program penghantaran secara percuma.

Masyarakat global akan **terdedah kepada penyalahgunaan dan penyelewangan data**. Apabila melakukan transaksi digital, mungkin data peribadi mereka telah digodam tanpa disedari. Masyarakat global akan menjadi mangsa penipuan dan mereka akan kehilangan wang. Sebagai contoh kehilangan data peribadi seperti nombor telefon, e-mail dan kad kredit terutamanya. Masyarakat global akan terdedah kepada risiko keselamatan dan kehilangan harta benda.

## TING 5 : UNIT 2 : INDIVIDU GLOKAL

Soalan : Huraikan Cara Memupuk Sikap Glokal Dalam Diri Seseorang Individu (Program Kebudayaan) 解释培养个人全球在地化的方法(文化活动)



Cara membentuk sikap glokal dalam diri seseorang individu ialah **seseorang individu perlu mempelajari adat dan tradisi negara luar**. Individu dapat meluaskan pengetahuan dan pemahaman tentang kepelbagaian budaya. Sebagai contoh, dapat mengenali makanan, tarian dan muzik dari pelbagai negara. Program kebudayaan dapat melahirkan individu yang menghargai perbezaan tradisi negara masing masing.

Cara membentuk sikap global dalam diri seseorang individu ialah seseorang individu perlu berkomunikasi pada peringkat global. Penyertaan program di peringkat global akan memberi kesedaran untuk menguasai bahasa asing. Sebagai contoh, mempelajari bahasa Korea, Jepun dan Perancis. Individu dapat membina kemahiran komunikasi berkesan pada peringkat global.

Soalan : Bincangkan Kesan Sekiranya Sikap Global Diabaikan讨论忽视全球在地化的后果

Kesan sekiranya sikap global diabaikan ialah masyarakat tempatan tidak dapat bersaing dengan dunia luar. Mereka tidak dapat menghasilkan sesuatu yang kreatif dan inovatif. Masyarakat tempatan kurang mempunyai idea baharu dalam sesuatu bidang seperti bidang seni dan bidang kejuruteraan. Dengan ini, masyarakat tempatan akan ketinggalan zaman.

Kesan sekiranya sikap global diabaikan ialah masyarakat tempatan akan mengalami kesukaran untuk menerima kepelbagaian sosiobudaya. Tanpa pemahaman pelbagai sosiobudaya, masyarakat tempatan akan kurang berinteraksi dan bersikap mementingkan diri sendiri. Masyarakat akan bersikap prejudis terhadap budaya lain. Konflik antara masyarakat global mungkin akan berlaku.

#### **TING 5 : UNIT 3: KEROHANIAN MEMBENTUK INDIVIDU BERMORAL**

Soalan : Huraikan implikasi sekiranya individu mengabaikan nilai kerohanian dalam kehidupan seharian. 解释个人在生活中忽视心灵价值观的后果

Implikasi pengabaian nilai kerohanian dalam kehidupan ialah mereka akan mengabaikan sikap berperibadi mulia. Individu mudah terjebak dalam perkara yang negatif seperti pergaulan bebas dan lumba haram. Mereka tidak dapat membezakan perkara yang baik dan buruk. Mereka tidak akan disukai oleh orang. Imej mereka akan terjejas.

Individu akan bersikap materialistik dan individualistik. Mereka tidak akan mengambil kira kepentingan orang lain. Mereka sanggup melakukan apa sahaja demi mencapai matlamat mereka. Mereka bersikap angkuh dan tidak bersedia menerima pandangan orang lain. Keharmonian Masyarakat akan terjejas.

#### **TING 5 : UNIT 4 : PENGGUNAAN SUMBER DAN PENYEBARAN MAKLUMAT**

Soalan : Bagaimanakah cara untuk membendung isu Macau Scam yang menggugat keselamatan negara ? 如何解决威胁国家安全的诈骗课题?

Rakyat seharusnya sentiasa berwaspada apabila bersembang di ruangan sembang terutamanya dengan orang yang tidak dikenali. Sebagai contoh di aplikasi Instagram dan Facebook. Mereka perlu sentiasa berhati-hati dan tidak mudah mempercayai sesuatu tawaran yang menawarkan pulangan lumayan dengan pantas. Mereka perlu mengesahkan sebarang maklumat yang didapati.

Kerajaan perlu mengadakan **kempen kesedaran 'Banteras Macau Scam'**. Bank Negara Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu bergabung tenaga dengan media tempatan untuk **mengadakan program jelajah berkala** bagi menyedarkan rakyat tentang bahaya scammer ini. Rakyat perlu **diberi maklumat secara berterusan** tentang cara scam ini dilakukan serta tips bagaimana **untuk elakkan diri dari menjadi mangsa scam**. **Keprihatinan dan kesedaran rakyat tentang isu scam akan menyebabkan mereka tidak mudah ditipu.**

## TING 5: UNIT 5 : INTEGRITI ORGANISASI

	<p><u>Soalan : Huraikan kepentingan Amalan Integriti Dalam Organisasi. 解释组织诚信的重要性</u></p> <p>Kepentingan amalan integriti dalam organisasi ialah <b>pekerja dapat meningkatkan kecekapan dan mutu perkhidmatan organisasi</b>. Pekerja akan melaksanakan kerja dengan penuh komited. Perkhidmatan yang diberikan juga memuaskan hati pelbagai pihak. Visi dan misi organisasi akan dapat dicapai. Hubungan jangka panjang antara pelanggan dan organisasi dapat dikukuhkan. Imej syarikat dapat ditingkatkan dan keuntungan syarikat akan bertambah.</p> <p>Kepentingan amalan integriti dalam organisasi ialah <b>pekerja dapat menunjukkan tingkah laku beretika dalam organisasi</b>. Pekerja akan mamatuhi etika kerja dan etika organisasi. <b>Pekerja mempamerkan budaya kerja yang positif</b>. Pekerja yang berintegriti akan menjadi suri teladan <b>sebagai anggota organisasi yang lain</b>. Budaya kerja yang berintegriti dapat dilahirkan dan anggota organisasi yang bersih, cekap dan amanah dapat dibentuk.</p>
--	--

Soalan : Terangkan Implikasi Sekiranya Pekerja Mengabaikan Integriti Dalam Sesebuah Organisasi

解释员工忽视组织诚信的后果

Implikasi sekiranya pekerja mengabaikan integriti dalam sesebuah organisasi ialah **pekerja akan menjatuhkan imej organisasi**. Pelanggan atau pelabur akan hilang kepercayaan kepada organisasi. Pelanggan atau pelabur tidak akan mengadakan perniagaan dengan organisasi. Perniagaan organisasi akan merosot dan organisasi akan mengalami kerugian.

Implikasi sekiranya pekerja mengabaikan integriti dalam sesebuah organisasi ialah **peningkatan gejala negatif dalam organisasi**. Sebagai contohnya, budaya rasuah dan salah guna kuasa akan berleluasa dalam organisasi. Pekerja lain akan terpengaruh untuk mengikut tingkah laku yang buruk. Persekitaran kerja yang tidak sihat akan berlaku. Masa depan organisasi akan terjejas kerana perkhidmatan yang disediakan tidak bermutu.

**TING 5 : UNIT 6 : PEMBANGUNAN NEGARA BERTUNJANGKAN INTEGRITI**

Soalan : Huraikan implikasi sekiranya pembayar cukai memberikan maklumat palsu dalam menuntut pelepasan cukai.

解释人民在还税的时候虚报税务的后果

Implikasinya ialah **pendapatan negara akan berkurang**. Jumlah penerimaan cukai dari pembayar cukai akan berkurang. Kekurangan pendapatan negara akan menjejaskan pembangunan negara. Kerajaan tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menjalankan program pembangunan.

Implikasinya ialah **mewujudkan jurang ekonomi antara lapisan masyarakat**. Individu yang kaya berjaya mengelak daripada membayar cukai dengan memalsukan tuntutan. Jurang ekonomi antara individu kaya dan miskin akan meluas. Penipuan dalam tuntutan pelepasan cukai akan memburukkan lagi ketaksamaan ekonomi dan sosial masyarakat.



Soalan : Terangkan kepentingan pembayaran cukai. 解释纳税的重要性

Kepentingannya ialah **sebagai sumber pendapatan utama negara**. Apabila pendapatan meningkat, kerajaan dapat merancang dan membina pelbagai prasarana yang canggih setanding dengan negara maju yang lain. Sebagai contoh Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur serta projek pengangkutan awam seperti MRT. Dengan ini dapat mewujudkan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berdaya saing.

Kepentingannya ialah **untuk mengurangkan beban sara hidup rakyat**. Apabila pendapatan Kerajaan meningkat, kerajaan boleh melaksanakan bantuan subsidi ke atas barangan keperluan serta bantuan kewangan kepada rakyat. Contohnya, subsidi minyak petrol, minyak masak dan bahan makanan asas. Kebajikan rakyat akan lebih terjaga. Rakyat dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik.

**TING 5 : UNIT 7 : BERPERIKEMANUSIAAN PEMANGKIN KESEJAHTERAAN GLOBAL**

Soalan : Jelaskan kebaikan berperikemanusiaan dalam masyarakat global.

解释在国际社会中拥有人性的好处

Kebaikan berperikemanusiaan dalam masyarakat global ialah dapat **membantu golongan yang kurang bernasib baik**. Masyarakat global **mengambil berat terhadap golongan kurang bernasib baik** seperti golongan kurang upaya dan mangsa bencana alam. Masyarakat global **mempunyai sikap keprihatinan yang tinggi**. Sebagai contohnya, menghulurkan bantuan makanan dan pakaian. Golongan yang kurang bernasib baik **tidak akan berasa terpinggir dan dapat menjalani kehidupan dengan selesa**.

Kebaikan berperikemanusiaan dalam masyarakat global ialah **dapat menjamin keselamatan dan kesejahteraan global**. Masyarakat global akan **menyokong dasar dan kempen keamanan sejagat yang dianjurkan oleh pertubuhan antarabangsa**. Masyarakat global **sentiasa mempertahankan isu keamanan**. Sebagai contohnya, **Malaysia terlibat dengan misi pengaman PBB**. Peperangan antara negara dapat dielakkan.

Soalan : Huraikan kesan pengabaian sikap berperikemanusiaan terhadap manusia dan alam sekitar. 解释忽视人性对环境及人类的后果

Kesan pengabaian sikap berperikemanusiaan terhadap manusia ialah **manusia akan hilang pertimbangan**. Sikap **kekejaman dan kezaliman akan menjadi kebiasaan**. **Kepercayaan sesama manusia akan hilang**. Sebagai contoh, **penderaan terhadap golongan wanita dan kanak-kanak akan semakin berleluasa**. Kesannya, **emosi golongan yang teraniaya akan terganggu**.

Kesan pengabaian sikap berperikemanusiaan terhadap **alam sekitar** ialah **kelestarian alam akan terancam**. Manusia bersikap tamak dan mementingkan wang. Mereka bersedia merosakkan alam sekitar demi mendapatkan keuntungan.. Sebagai contohnya, pembakaran hutan di Indonesia secara besar-besaran untuk tujuan pertanian Pencemaran udara yang akan menjejaskan tahap kesihatan masyarakat global akan berlaku. **Dunia juga akan mengalami perubahan suhu yang tidak menentu. Kepupusan flora dan fauna akan berlaku**

#### **TING 5 : UNIT 8: PENGLIBATAN DIRI PENERAJU KOMUNITI**

Soalan : Terangkan kebaikan menderma darah kepada masyarakat. 解释捐血的好处

Kebaikannya menderma darah ialah **dapat melahirkan masyarakat yang prihatin**. Pendermaan darah dapat menambahkan bekalan tabung darah negara. Darah yang diperlukan oleh pesakit yang memerlukan sentiasa mencukupi. Contohnya, mangsa kemalangan yang kehilangan banyak darah dapat diselamatkan dengan segera dengan adanya tabung darah..

**Masyarakat yang sihat dapat dilahirkan**. Aktiviti menderma darah dapat mengurangkan kalori dalam badan. Ini dapat membantu penderma mengurangkan berat badan. Penderma juga dapat mengurangkan risiko serangan jantung. Menurut kajian, menderma darah sekurang-kurangnya sekali setahun dapat mengurangkan 88% serangan jantung. Menderma darah secara teratur juga dapat mengekalkan tahap iron dalam kawalan. Iron yang berlebihan dalam badan dikaitkan dengan peningkatan risiko kanser.

#### **TING 5 : UNIT 9 : SEMANGAT KERJASAMA DALAM MASYARAKAT GLOBAL**

Soalan : Huraikan cabaran bekerjasama dalam masyarakat global 解释国际社会合作的挑战

Antara cabaran yang dihadapi masyarakat global ialah **perbezaan bahasa**. Setiap negara mempunyai bahasa kebangsaan dan bahasa ibunda yang berbeza. Perbezaan bahasa antara negara menyebabkan masyarakat global sukar untuk berkomunikasi antara satu sama lain. Contohnya bahasa rasmi Malaysia adalah Bahasa Melayu manakala bahasa rasmi Amerika Syarikat adalah Bahasa Inggeris. Segelintir rakyat Malaysia yang tidak menguasai Bahasa Inggeris tidak akan dapat berinteraksi dengan masyarakat global secara berkesan. Perbezaan

bahasa menyebabkan perkongsian teknologi menjadi semakin sukar. Hal ini akan menjejaskan hubungan antara masyarakat global kerana mudah menimbulkan salah faham dan perselisihan faham.

Cabaran yang dihadapi ialah **masalah kewangan**. Hal ini dikatakan demikian kerana sesetengah negara kekurangan modal untuk memajukan bidang pertanian, perubatan, perindustrian dan sebagainya. Contohnya, kekurangan modal untuk membawa masuk mesin dan teknologi moden bagi bidang pertanian dan perindustrian untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran dan efisiensi operasi. Akibatnya, sesetengah negara belum mencapai tahap perkembangan teknologi yang cukup tinggi. Perkembangan teknologi yang berbeza menyukarkan program pertukaran teknologi dalam masyarakat global.

### **TING 5 : UNIT 10 : PENGURUSAN KEWANGAN SECARA BERETIKA**

Soalan : Cerakinkan kepentingan pengurusan kewangan anda dalam kehidupan seharian.

解释在生活中金钱管理的重要性

Kepentingan pengurusan kewangan dalam kehidupan seharian ialah saya (watak) dapat **mengurangkan bebanan kewangan** (F1). Saya berupaya mengelakkan perbelanjaan berlebihan dalam kehidupan seharian. Saya tidak perlu meminjam wang daripada orang lain untuk memenuhi keperluan. Saya dapat mengelakkan pinjaman yang tidak sepatutnya dan mengalami mufflis.

Pengurusan kewangan penting untuk **menjamin masa depan yang sejahtera** (F2). Saya dapat mendisiplinkan diri dalam merancang perbelanjaan dan membuat simpanan bulanan. Wang simpanan bulanan dapat digunakan untuk waktu kecemasan, persaraan dan menyertai skim pelaburan yang sah. Saya akan mencapai kedudukan kewangan yang stabil dan kukuh. Contohnya, saya mempunyai wang simpanan yang mencukupi untuk memiliki rumah sendiri dan membolehkan saya bersara dengan selesa. Saya mempunyai tambahan kewangan daripada pelaburan. Pengurusan kewangan yang teratur dapat mencapai matlamat hidup dengan lebih mudah.

### **TING 5: UNIT 11 : MALAYSIA UNGGUL DI MATA DUNIA**

Soalan : Jelaskan cara anda dapat mengharumkan nama negara di persada dunia.

解释你在国际为国争光的方法

Cara saya dapat mengharumkan nama negara di persada dunia ialah **melibatkan diri dalam pelbagai pertandingan antarabangsa dan memenanginya** (F1). Kemenangan saya membolehkan negara kita dikenali oleh negara lain. Demi untuk mencapai kemenangan, saya akan membuat latihan yang rapi sebelum menyertai pertandingan. Saya bersikap sedia menghadapi segala cabaran untuk mencapai keputusan yang cemerlang dalam pertandingan peringkat antarabangsa. Imej dan status negara Malaysia akan meningkat.

Saya **mereka cipta inovasi baharu dalam bidang sains dan teknologi**. (F2) Saya memikir dan menghasilkan sesuatu penemuan baru dengan daya usaha sendiri. Saya berusaha mencipta teknologi baru atau barangan baru yang unik bagi memenuhi kehendak pengguna. Contohnya mencipta aplikasi pembelajaran subjek sains melalui media elektronik. Saya dapat membuktikan rakyat Malaysia mempunyai kepintaran dan kreativiti setanding dengan rakyat

negara maju. Pengiktirafan pada peringkat dunia dapat memperlihatkan kemampuan dan kejayaan rakyat Malaysia dalam pelbagai bidang.

### TING 5 : UNIT 11 : MALAYSIA UNGGUL DI MATA DUNIA

Soalan : Huraikan cabaran yang dihadapi oleh golongan OKU untuk mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. 解释弱势群体要在国际为国争光的挑战

Cabaran yang dihadapi oleh golongan OKU untuk mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa ialah **sumber kewangan terhad** (F1). Golongan OKU (watak) tidak mempunyai dana kewangan yang mencukupi untuk menjalani latihan. Mereka kekurangan sokongan daripada pihak penaja atas faktor kecacatan mereka. Kebanyakan syarikat lebih gemar untuk memberi sokongan kewangan kepada golongan yang tidak mengalami kecacatan. Contohnya atlet OKU negara sukar mendapat latihan yang cukup dan kurang mendapatkan bimbingan daripada jurulatih bertauliah sebelum menyertai pertandingan.

Golongan OKU (watak) **kekurangan kemudahan dan infrastruktur dalam sesuatu bidang sukan**. (F2) Golongan OKU memerlukan kemudahan khusus yang mesra dengan ketidakupayaan mereka. Kemudahan khusus ini penting untuk memudahkan pergerakan mereka. Contohnya kemudahan mesra OKU dan pusat pembangunan sukan paralimpik yang lengkap dengan kemudahan gelanggang untuk OKU di setiap negeri. Cabaran tersebut merendahkan motivasi golongan OKU kerana sukar keluar dari rumah dan tiada tempat yang sesuai untuk berlatih sukan.

### TING 5 : UNIT 12: MALAYSIA DALAM HUBUNGAN ANTARABANGSA

Soalan : Huraikan cabaran yang mungkin dihadapi oleh negara dalam mengekalkan hubungan dengan negara luar. 解释国家在维持外交关系所面对的挑战

Cabaran dari segi perbezaan **Bahasa akan menyukarkan hubungan antara negara**. Bahasa ibunda yang digunakan setiap negara berbeza. Sebagai contoh **orang Filipina menggunakan Bahasa Filipino sebagai bahasa rasmi manakala orang Malaysia akan menggunakan bahasa Melayu**. Ini menyukarkan rakyat pelbagai negara untuk **berkomunikasi**. Mesej yang disampaikan juga akan **disalah tafsir**. Perselisihan faham antara satu sama lain akan mudah berlaku.

Cabaran mengekalkan hubungan antara negara ialah dari segi perbezaan **ideologi politik Perbezaan ideologi menyebabkan pemikiran** dalam kalangan masyarakat mahupun pemimpin berbeza. Mereka tidak akan bersependapat dalam membincangkan sesuatu perkara. Penyelesaian konflik antara negara sukar dicapai dan ini mungkin membawa kepada peperangan. Sebagai contoh **isu peperangan yang berlaku di Gaza**.

## 你的态度决定天的高度

Sikap menentukan keinginan seseorang individu untuk menyempurnakan sesuatu tugas  
态度决定人们 愿意不愿意 去完成某些任务

**Proaktif** 积极努力    **Disiplin** 自律

**Bertanggungjawab** 有责任感    **Keyakinan diri** 相信自己

**Berwawasan** 有理想的

} **成功**  
} **在前方**  
} **等你**